

05 OCT 2001

Rafie-Guru

GURU DIINGAT JANGAN TIMBULKAN SUASANA PERKAUMAN

JASIN, 5 Okt (Bernama) -- Golongan pendidik diingatkan supaya tidak menimbulkan prasangka buruk kepada pelajar dengan memainkan isu perkauman ketika mengajar di sekolah.

Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat berkata golongan guru sentiasa dinasihatkan supaya membimbing pelajar dengan penuh kasih sayang dan tidak memilih-kasih dalam pengajaran mereka di dalam kelas.

"Teras pendidikan ialah untuk mengenal pasti potensi anak-anak supaya membesar dengan penuh rasa muhibah dan mesra dengan semua kaum. Ini akan mengukuhkan nilai-nilai yang baik," katanya selepas menutup Perkhemahan Integrasi Murid-murid Sekolah Rendah Peringkat negeri di Pusat Ko-Kurikulum Lanchang dekat Merlimau, petang semalam.

Beliau berkata kerajaan sentiasa mengalakkan pelajar bergaul sesama mereka bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini dan dengan itu konsep sekolah wawasan yang bertujuan untuk memastikan semua kaum dapat bekerjasama, diperkenalkan.

"Konsep sekolah wawasan itu jelas, mewujudkan kerjasama dan persefahaman antara kaum di negara ini. Dengan cara itu, perpaduan akan lebih kukuh untuk memajukan negara," katanya.

Diminta mengulas mengenai kejadian seorang pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah di Melaka dipukul oleh pelajar seniornya, Abdul Rafie berkata kementerian telah menerima laporan mengenai kejadian itu dan kini sedang menyiasat.

"Setelah siasatan selesai, baru kita boleh ambil tindakan," katanya.

Pada kejadian 24 Sept itu, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Muzaffar Syah, Air Keroh, dipukul sekumpulan pelajar tingkatan tiga di luar bilik asrama, kira-kira pukul 2 pagi.

Pelajar berkenaan dikatakan terdengar kekecohan di luar bilik asrama berkenaan dan keluar untuk melihat keadaan tetapi dipukul oleh sekumpulan pelajar terbabit.

-- BERNAMA

SBS LAT